

TARIKH	21 / 1 / 2011	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	55	RUANGAN	BISNES

Takaful Malaysia lancar pelan perubatan baharu

SYARIKAT Takaful Malaysia Bhd memperkenalkan satu pelan perubatan, *myHealth Protector*, untuk membantu meringankan beban kewangan rawatan perubatan yang mahal.

MyHealth Protector ialah satu pelan perubatan dan kesihatan individu menyeluruh, yang menawarkan pelbagai faedah menarik bagi pesakit luar dan yang dimasukkan ke hospital dengan pengembalian wang sebanyak 15 peratus

jika pelanggan tidak membuat tuntutan dalam tempoh perlindungan.

Pengarah Urusan Kumpulan Takaful Malaysia Datuk Mohamed Hassan Kamil berkata, pelan itu menawarkan lapan pelan perubatan yang lebih luas pilihannya tanpa perkongsian kos pada premium yang termampu.

"*MyHealth Protector* juga menawarkan kemudahan kemasukan hospital dan pelunasan bil tanpa masalah di

mana-mana hospital panel serta perkhidmatan bantuan rujukan kecemasan 24 jam di seluruh dunia," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mohamed Hassan juga berkata, pelan itu menetapkan usia penyertaan maksimum yang lebih tinggi iaitu hingga 70 tahun, untuk membolehkan mereka yang sihat dan tanpa sebarang perlindungan perubatan, diinsuranskan. - Bernama